

"Merdeka Warna" Anjuran NCRC Bangkitkan Semangat Patriotik Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas.

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 15 September 2011 11:22

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC)



15 September 2011 / 17 Syawal 1432 H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

"Merdeka Warna" Anjuran NCRC Bangkitkan Semangat Patriotik Pelajar-Pelajar Pendidikan Khas.

NCRC Online : Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UUM, NCRC UUM telah menganjurkan pertandingan mewarna "Merdeka Warna" di kalangan pelajar-pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok.

Objektif pertandingan mewarna ini adalah untuk menerapkan semangat patriotisme dan cintakan tanah air serta mencungkil bakat pelajar-pelajar pendidikan khas ini. Program ini juga merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang telah dirangka oleh NCRC sepanjang tahun ini sebagai tanggungjawab sosial jabatan ini kepada komuniti masyarakat di sekitar UUM.

Seramai 50 orang pelajar pendidikan khas dengan diiringi 12 orang guru-guru Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok yang telah menyertai pertandingan ini yang diadakan di Sudut Kanak-Kanak, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM pada 12 September 2011 yang lalu.

Pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Rohana Yusof dalam ucapannya menyatakan bahawa pihak NCRC dan UUM secara amnya sangat prihatin dengan komuniti masyarakat di sekitarnya dan sentiasa berusaha untuk membantu dan membangunkan komuniti masyarakat dalam segala aspek agar seiring dengan perkembangan dan pembangunan di UUM.

Beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian kedua-dua pihak sekolah yang telah menghantar pelajar-pelajar pendidikan khas untuk menyertai pertandingan ini dan seterusnya telah menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UUM pada tahun ini.

Beliau juga menyatakan kesanggupan pihak NCRC untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bagi komuniti masyarakat di sekitar UUM terutamanya untuk pelajar-pelajar pendidikan khas ini.

Pertandingan ini telah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan. Bagi kategori Sekolah Menengah, pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Mohd. Yusuf B. Mohamad Isa, diikuti tempat kedua oleh adik Hana Idayu Bt. Ismail dan tempat ketiga dimenangi oleh Siti Najihah Bt. Zulkifli.

Manakala bagi kategori Sekolah Kebangsaan pula telah dimenangi oleh adik Mohd Naim, diikuti tempat kedua oleh adik Izham Suhaimi dan tempat ketiga dimenangi oleh adik Mohd Ridzuan. Semua hadiah dan cenderahati adalah sumbangan ikhlas daripada Jabatan NCRC dan Jabatan Canselori, UUM.

Sekian.